

PM terima 2 anugerah utama di Qatar

BH - 11/12/2019 mlb: 2



Tun Dr Mahathir Mohamad akan menerima dua anugerah utama ketika melakukan lawatan rasmi ke Qatar bermula hari ini.

Kuasa Usaha Kedutaan Besar Malaysia di Qatar, Mohamad Shahir Sabarudin, berkata Emir Qatar Sheikh Tamim Hamad Al-Thani, akan menyampaikan anugerah kepada Dr Mahathir di Forum Doha pada Sabtu ini.

Ia adalah anugerah pertama yang dikurniakan kepada mana-mana pemimpin atau individu sejak Forum Doha dianjurkan tahun lalu.

“Ia bagi menghargai Perdana Menteri dalam aspek kepemim-

pinan dan juga kejayaannya membangunkan Malaysia dan peranannya pada peringkat antarabangsa.

“Kehadiran Tun Dr Mahathir juga dinantikan masyarakat Qatar dan Perdana Menteri akan menerima satu lagi anugerah dari Universiti Qatar yang juga universiti terkemuka di negara ini.

“Dr Mahathir akan dianugerah Ijazah Kedoktoran Kehormat dalam bidang falsafah pada Jumaat ini,” katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Dalam lawatan rasmi empat hari ini, Dr Mahathir akan mengunjungi Sheikh Tamin di istananya pada Khamis ini selain jadual yang padat dengan menemui pemain industri di Qatar.

Dr Mahathir juga akan menemui Pengerusi Qatar Foundation, Sheikha Moza Nasser Al Missned yang juga bonda Emir

Qatar, pada Khamis ini. Qatar Foundation kini menaja pendidikan pelajar Malaysia di negara ini.

Selain itu, Mohamad Shahir berkata, Qatar yang juga rakan niaga kelima terbesar di Asia Barat dan jumlah dagangan Malaysia-Qatar bernilai RM3.72 bilion pada 2018 dan ia meningkat berbanding 2017 (RM3.19 bilion).

Eksport utama Malaysia ke Qatar, termasuk barangan elektrik dan elektronik, mesin, kelengkapan dan peralatan, pengeluaran logam, produk kayu dan makanan diproses.

Dari Qatar, Malaysia mengimport, terutama petroleum mentah, kimia dan produk kimia dan penghasilan logam.

Qatar kini banyak memberi tumpuan kepada sektor pembinaan dan kemudahan infrastruktur di bandar raya ini, terutama sebagai persediaan menjadi hos

kejohanan Piala Dunia FIFA pada 2022 membabitkan pembinaan lapangan stadium baharu dan menaik taraf beberapa stadium sedia ada.

“Qatar mempunyai hampir 3 juta penduduk dan daripada jumlah itu hanya 300,000 rakyat asal, manakala baki adalah warga asing,” katanya.

Malaysia mula menjalin hubungan diplomatik dengan Qatar pada 1974 dan hubungan dua hala itu diperkukuhkan dengan pembukaan pejabat kedutaan di sini, pada Ogos 2004, disusuli pembukaan kedutaan Qatar di Kuala Lumpur pada September tahun sama.

Mohamad Shahir berkata, pada masa ini terdapat 5,000 rakyat Malaysia menetap di Qatar yang kebanyakannya bekerja dengan syarikat penerbangan Qatar Airways dalam sektor pendidikan serta industri petroleum.